



Diembargo sehingga

9.30 malam, Sabtu, 4 September 2021

BULAN BAHASA 2021 KEMBALI DI UDARA DAN DALAM TALIAN UNTUK MERAI BAHASA MELAYU

4 September 2021 – Bulan Bahasa 2021 telah dilancarkan secara rasmi menerusi rancangan khas yang disiarkan di Mediacorp Suria malam ini. ‘Pelancaran Bulan Bahasa 2021’ menampilkan Menteri Pendidikan Chan Chun Sing sebagai tetamu kehormat dan pelbagai persembahan di studio oleh Duta-duta Bahasa Ramli Sarip, Hyrul Anuar, Marina Yusoff, Rakan-rakan Bahasa, rakan-rakan kerjasama dan ramai lagi.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa telah disiarkan di televisyen buat julung-julung kalinya pada 2020 demi memastikan anggota masyarakat dapat turut serta dalam meraikan Bulan Bahasa sambil menjaga kesihatan dan keselamatan mereka. Tahun ini, rancangannya menggembeng tenaga rakan kerjasama seperti Elements Pictures dan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat Tampines West. ‘Pelancaran Bulan Bahasa 2021’ juga menampilkan suara-suara anggota masyarakat kita. Koir maya yang ditayangkan pada penghujung program mempamerkan kehairahan dan sokongan yang diberikan terhadap lagu Bulan Bahasa, *Bahasa Menjunjung Budaya*, versi 2021.

Malam Meraikan ‘Cita, Citra, Cinta’ Bahasa Melayu

Semasa rancangan tersebut, Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing berbual bersama Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Profesor Madya Dr Faishal Ibrahim dan Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, Puan Rahayu Mahzam mengenai kepentingan usaha semasyarakat dalam menggalakkan pembelajaran bahasa ibunda kita. Beliau menggalakkan sesiapa yang sedang belajar bahasa baharu untuk tidak takut dan terus berlatih.

Sila rujuk **Lampiran A** untuk transkrip penuh ucapan Encik Chan.

Puan Rahayu mengucapkan terima kasih kepada semua rakan kerjasama, penderma dan penaja atas sokongan padu yang diberikan buat Bulan Bahasa 2021. Puan Rahayu berkata, “Meskipun tahun 2020 dan 2021 berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya, kami masih



dapat merasakan keghairahan serta komitmen rakan-rakan kerjasama kami. Mereka tabah menghadapi keluk pembelajaran yang curam, serta menyesuaikan pengendalian program menggunakan wadah digital seperti Zoom dan Facebook.”

Dr Faishal Ibrahim dan Puan Rahayu juga membincangkan hasil pencarian Banci Penduduk 2021 yang diterbitkan pada bulan Jun lalu. “Kami akur bahawa lebih banyak keluarga kini menggunakan bahasa Inggeris di rumah. Namun, pemerhatian ini bukan bermaksud bahasa Melayu tidak digunakan sama sekali. Malah, ramai keluarga Melayu masih cekap berdwibahasa, dan kami berharap trend ini akan dapat dikembangkan. Dengan sokongan rakan kerjasama kami, kami akan berusaha ke arah sebuah komuniti yang menyedari nilai dalam penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian,” ujar Puan Rahayu.

Bulan Bahasa 2021 Kembali Ke Alam Maya

Untuk memelihara kemaslahatan masyarakat dan rakan kerjasama kita, Bulan Bahasa kembali sebagai sambutan secara maya pada tahun 2021. Rakan-rakan kerjasama kami akan menyajikan pelbagai acara dan program digital untuk semua lapisan masyarakat. Jadual acara akan memaparkan tema ‘Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita’ dan akan berlangsung dari 14 Ogos hingga 10 Oktober 2021.

Untuk mendapatkan jadual acara Bulan Bahasa 2021, sila rujuk **Lampiran B**. Maklumat yang terkini akan dikemas kini di laman Majlis Bahasa Melayu Singapura, www.mbms.sg, atau di laman media sosial, [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa) dan @BulanBahasa di Instagram.

~~~



## **Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur [mbms.sg](http://mbms.sg), [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).

## **Tema Bulan Bahasa**

Tema Bulan Bahasa 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu. 'Cita' menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan kerelevanan penggunaan bahasa Melayu. 'Citra' memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. 'Cinta' pula memaparkan minat masyarakat untuk menyayangi akan nilai dan seni bahasa Melayu yang indah.



**LAMPIRAN A**

**TRANSKRIP UCAPAN OLEH ENCIK CHAN CHUN SING, MENTERI PENDIDIKAN,  
UNTUK PELANCARAN BULAN BAHASA DI MEDIACORP SURIA  
PADA SABTU, 4 SEPTEMBER 2021**

Sebenarnya saya cuba belajar bahasa Melayu dua kali di Singapura dulu. Ketika itu, saya bersama SAF dan saya perlu berinteraksi dengan pegawai tentera Indonesia atau TNI AD. Tetapi saya dapati sukar sekali kerana tidak ada suasana untuk saya berlatih dengan teman-teman saya. Akhirnya, saya terpaksa belajar bahasa Indonesia bila saya ditugaskan sebagai Atase Tentera. Saya minta maaf jika bahasa Melayu saya bunyinya seperti bahasa Indonesia.

Saya tidak begitu berbakat belajar bahasa. Jadi, untuk saya, susah sekali. Jadi, saya menggalakkan anda supaya jangan takut untuk mencuba. Jika kita ingin belajar sesuatu bahasa yang baru, kita mesti banyak berlatih menggunakan. Mungkin susah pada mulanya, tetapi akan menjadi mudah jika sering berlatih, seperti peribahasa, alah bisa tegal biasa.

Saya ucapkan terima kasih kepada Faishal dan Rahayu, Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan rakan kerjasama termasuk MLLPC, LKYFB dan NTC kerana mengundang saya ke pelancaran Bulan Bahasa 2021. Untuk menggalakkan penggunaan bahasa ibunda, kita perlukan usaha sama seluruh masyarakat, dan saya harap kita akan terus bersemangat menghidupkan pembelajaran bahasa-bahasa ini.

*Indah budi kerana bahasa,*

*Eloknya pekerti menjunjung budaya,*

*Selesai sudah saya berbicara,*

*Kini saya rasmikan Bulan Bahasa.*



## **LAMPIRAN B**

### **PERINCIAN PROGRAM-PROGRAM RAKAN KERJASAMA**

Untuk siaran segera sahaja.

Senarai rakan kerjasama dan program acara untuk Bulan Bahasa tepat sewaktu dokumen ini disusun dan disemak. Sila lungsur laman Facebook [www.facebook.com/majlisbahasa](http://www.facebook.com/majlisbahasa) atau laman Instagram @bulanbahasa untuk maklumat terkini. Program acara Bulan Bahasa tertakluk pada perubahan.

Senarai Rakan Kerjasama:

1. A'Arts Repertoire Theatre (Awal'liyah Ja'far)
2. ACE The Place CC MAEC
3. Angkatan Sasterawan '50
4. Ayer Rajah CC MAEC
5. Bayang Troupe
6. Ci Yuan CC MAEC
7. Clementi CC MAEC
8. Elements Pictures
9. Eunoz CC MAEC
10. Funplay Workshop
11. Ilham Child Care
12. Jurong Spring CC MAEC
13. Keat Hong CC MAEC
14. Malay Heritage Foundation (MHF)
15. Marsiling CC MAEC
16. National Library Board (NLB)
17. Nee Soon Link CC MAEC
18. NTU Perbayu
19. Nusantara World Music
20. Panggung Digital
21. Perguruan Seni Silat Gayong Singapura (PSSGS)
22. Perkumpulan Seni
23. PPIS Child Development Centre
24. Tampines West CC MAEC
25. Wisma Geylang Serai



# A'art

## **Pentas Radio**

Pentas Radio, juga dikenali sebagai drama radio, merupakan teknik penyampaian cerita yang didramasasikan dan dihasilkan sepenuhnya di dalam format audio. Tanpa iringan visual, drama radio menggunakan dialog, muzik dan kesan bunyi untuk menarik perhatian para pendengar.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi [admin@aartsg.com](mailto:admin@aartsg.com) atau @Aart\_sg di Instagram.

---

## **A'ARTS REPERTOIRE THEATRE (A'ARTSG)**

A'Arts Repertoire Theatre (A'Artsg) ditubuhkan pada tahun 2019 oleh Awal'liyah Ja'afar untuk memberikan motivasi dan inspirasi kepada kanak-kanak untuk menceburi bidang seni teater. Dengan berkunjung ke teater, ia dapat memberi kesan jangka panjang dan merangsang hasil karya yang menarik dan bermakna. Di samping itu, A'Arts juga mahu menggabungkan interaksi bersama penonton untuk membolehkan kanak-kanak melibatkan diri dalam kancan teater dan mencetuskan minat mereka dalam bidang seni teater.



## **Wacana Sastera 2021**

Wacana Sastera 2021 merupakan forum perbincangan anjuran Angkatan Sasterawan '50, yang lebih dikenali sebagai ASAS '50. Program sempena Bulan Bahasa 2021 ini bertujuan untuk memupuk rasa cinta terhadap sastera Melayu dan membimbing para peserta untuk berjinak-jinak dengan cara penulisan novel.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.facebook.com/asas50>.

---

## **ANGKATAN SASTERAWAN '50**

Angkatan Sasterawan '50 (atau lebih dikenali sebagai Asas '50) ialah sebuah pertubuhan sastera pertama di Malaya yang ditubuhkan pada Ogos 1950. Asas '50 merupakan pertubuhan sastera bersifat kemasyarakatan dan menggunakan bahan sastera sebagai wadah mencapai kemerdekaan untuk Malaya pada tahun 1957. Bertunjangkan prinsip 'Seni untuk Masyarakat', Asas '50 merupakan agen pencorak perkembangan sastera Melayu moden melalui Kongres Bahasa yang merubah lanskap persuratan Nusantara. Setelah berpisah daripada Malaysia, Asas '50 mula bergerak dengan slogan 'Seni Bina Manusia' dalam hasrat membangunkan semangat para penulis Singapura melalui penyatuan yang utuh. Hasrat ini akhirnya melahirkan Hadiah Sastera 1975 hasil daripada Perkampungan Sastera yang berlangsung pada 1974.



### **Bengkel Bayang Boneka Kontemporari: Bengkel melalui Talian Sawang**

Sertai bengkel bayang boneka seisi keluarga dan mereka cerita menggunakan bayang boneka kontemporari anda. Para peserta juga berpeluang membuat persembahan bayangan dengan tema “Cita, Citra, Cinta.”

### **Bahasa dan Cerita dalam Bebayang: Persembahan Bayangan**

Saksikan persembahan-persembahan alam maya yang dihasilkan khas oleh Bayang Troupe, mengenai dua Cerita Rakyat: Singapura Dilanggar Todak dan Sang Nila Utama. Melalui persembahan interaktif ini, para penonton diundang untuk menjawab soalan dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/bayangtroupe](http://www.facebook.com/bayangtroupe).

---

## **BAYANG TROUPE**

Bayang Troupe adalah sekumpulan artis yang berpengalaman lebih dari 10 tahun dalam bidang persembahan.

Bayang Troupe adalah bengkel drama dan kumpulan persembahan profesional yang mempunyai misi untuk melatih, membimbing dan menghiburkan pemuda dan khalayak ramai menggunakan boneka dan medium persembahan yang lain.

Kami adalah kumpulan bayang boneka yang pertama di Singapura yang berfokus kepada bebayang, boneka dan medium persembahan yang lain.





### **Kreatif Peribahasa**

Kreatif Peribahasa ialah sebuah bengkel yang menguji kebolehan para peserta untuk mempamerkan pemahaman peribahasa mereka melalui seni lukis, penulisan dan lakonan. Para peserta akan mengikuti latihan pertuturan dan drama asas, sebelum mereka berkarya.

### **Kreatif Bahasa Bersama...**

Para peserta akan “dibawa ke pasar raya untuk membeli bahan-bahan” yang diperlukan untuk hidangan majlis hari lahir. “Pengalaman” yang berkaitan dengan makanan ini akan memanfaatkan pancaindera para peserta melalui aktiviti visualisasi, kemahiran mendengar dan ekspresi oral dan lukisan.

Ia adalah sebuah aktiviti yang memberi peluang kepada ibu bapa dan anak-anak mereka untuk berkongsi "pengalaman makanan" mereka bersama.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/elementspictures.sg](http://www.facebook.com/elementspictures.sg).

---

### **ELEMENT PICTURES**

Element Pictures sering menerbitkan karya dalam bidang lukisan, muzik, filem dan televisyen. Selain menjana inti sari yang merentas media, Element Pictures juga mahir dalam mengungkapkan dan merangkakan bengkel mengikut keperluan individu.



### **Mencari Budaya dan Bahasa: Aktiviti menerusi Talian Sawang**

Program dalam talian ini menyajikan pelbagai aktiviti menarik bagi para peserta untuk mempelajari serta menghargai bahasa dan budaya Melayu. Antaranya ialah aktiviti peribahasa, pantun dan muzik tradisional. Pemenang akan diumumkan pada akhir program.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/funplayworkshop](http://www.facebook.com/funplayworkshop).

---

### **FUNPLAY WORKSHOP**

Funplay Workshop adalah sebuah syarikat teater, bengkel dan acara professional, yang ditubuhkan dengan misi untuk mengajar dan menghiburkan khalayak ramai tidak kira usia. Ia menyajikan pelbagai program dan perkhidmatan termasuk persembahan secara langsung, sesi latihan, bengkel, program dalam talian, perkhidmatan reka cipta, serta perancangan dan pengurusan acara.

Funplay Workshop sedang mereka beberapa program dalam talian / digital seperti bengkel, permainan, aktiviti dan seminar.



People's Association



**MALAY ACTIVITY  
EXECUTIVE COMMITTEE**

Geylang Serai MAEC

## **Peraduan Pesta Syair / Puisi 2021 : Gurindam Jiwa**

MAEC Kelab Masyarakat Geylang Serai akan mengendalikan peraduan menulis syair, dengan tema Gurindam Jiwa, melalui wadah Zoom. Peraduan ini bertujuan untuk memupuk rasa cinta terhadap syair dalam kalangan pelajar dan orang dewasa, melalui penggunaan bahasa Melayu yang kreatif.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/YourGeylangSerai](https://www.facebook.com/YourGeylangSerai).

---

## **MAEC KELAB MASYARAKAT GEYLANG SERAI**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat Geylang Serai telah menganjurkan Pesta Syair sejak 2010 yang disokong Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Kementerian Pendidikan. Tahun ini merupakan tahun ke-10 acara ini diadakan.



### **Siri Cendekiawan Lestari**

Melalui Siri Cendekiawan Lestari, Yayasan Warisan Melayu menyediakan program bersama Dr Aidil Subhan yang bertajuk “Bahasa Melayu Dijunjung, Bahasa Inggeris Digendong – Perancangan Bahasa Melayu di Singapura menjelang 2065”.

### **Siri Sembang Ilmu**

“Forum Siswa - Kita Dengan Bahasa, Tumbuh Sampai Ke Mana?” yang dikendalikan oleh Yayasan Warisan Melayu akan dibincangkan oleh para panelis siswa.

### **Siri Wacana Warisan**

Dibentangkan oleh Dr Azhar Ibrahim, Yayasan Warisan Melayu menganjurkan kuliah Wacana Warisan yang bertajuk “Cendekiawan Melayu: Yang Menawan & Melawan”.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/MalayHeritageFoundation](http://www.facebook.com/MalayHeritageFoundation).

---

### **YAYASAN WARISAN MELAYU (MHF)**

Yayasan Warisan Melayu (MHF) merupakan sebuah organisasi yang bertujuan untuk menjaga dan mempromosikan warisan Melayu untuk semua. Antara objektif-objektif MHF, program dan inisiatif MHF bertujuan untuk membina kepimpinan pemikiran, merapatkan jurang pengetahuan, dan meningkatkan modal sosial dengan memperkuat kandungan warisan masyarakat Melayu di Singapura melalui dokumentasi dan penyelidikan.



### **Gig Puisi@Serambi**

Gig Puisi diadakan empat kali setahun bagi penyair dan peminat puisi untuk berhimpun dan mempersembahkan pelbagai karya asli dan terbitan. Wadah ini juga meraikan bakat penulis tempatan dan memberi peluang bagi peminat sastera dan khayalak ramai untuk meraih ilmu dan penghargaan terhadap sastera.

### **Ilham Pustaka**

Ilham Pustaka merupakan wadah bagi penulis dan aktivis sastera untuk membincangkan pelbagai topik berkenaan dengan sastera dan bahasa tempatan dan Nusantara, pada Sabtu keempat setiap bulan, pada 2.30 petang.

Video Ilham Pustaka boleh didapati di Facebook Perkhidmatan Perpustakaan Bahasa Melayu <https://go.gov.sg/malay-library-services/>.

### **Masa Bercerita**

Lembaga Perpustakaan Singapura mengendalikan sesi bercerita digital dalam bahasa Melayu, pada Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan. Sesi-sesi yang dikendalikan oleh para pustakawan, sukarelawan dan penulis tempatan ini berlangsung sekitar 5 hingga 15 minit.

Rakaman sesi bercerita boleh didapati di Facebook Perkhidmatan Perpustakaan Bahasa Melayu <https://go.gov.sg/malay-library-services/>.

---

## **LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA**

Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) yang menguruskan Perpustakaan Negara, Perpustakaan-perpustakaan Awam dan Arkib Nasional.



NLB menggalakkan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah ditelusuri, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara yang dianjurkan.



### **SAYEMBARA SOLOISTARI (SOLO DANCE COMPETITION)**

Secara pasangan, para peserta ditugaskan untuk menonjolkan makna lagu yang diberikan melalui persembahan tarian 2 minit. Persembahan ini harus mengandungi elemen-elemen budaya dan kesantunan Melayu. Penyertaan harus dikirimkan melalui Instagram.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/perkumpulanseni.org](http://www.facebook.com/perkumpulanseni.org).

---

### **PERKUMPULAN SENI**

Pertemuan seniman daripada pelbagai bidang pada tanggal 8 Julai 1956 membawa kepada penubuhan Perkumpulan Seni dengan tujuan untuk memperkembangkan dan memelihara keaslian dan nilai kesenian Melayu. Dengan berlandaskan cogan kata 'Seni untuk Rakyat', Perkumpulan Seni juga bertujuan untuk membimbing dan membina pengertian seni dalam masyarakat.

Selain daripada mementaskan persembahan dan menerbitkan buku, Perkumpulan Seni juga aktif dalam pelbagai kegiatan seni Melayu seperti drama, tarian dan kesusasteraan, di dalam dan di luar negara. Usman Awang, A. Ghani Hamid, Bani Buang dan Zubir Said merupakan di antara tokoh-tokoh perintisnya.

Kini diterajui oleh generasi yang muda, PS kekal dan relevan aktif dalam menegakkan matlamat aslinya.



### **Semarak Bahasa dan Budaya**

Program ini mempertingkatkan kesedaran atas kepentingan penggunaan bahasa ibunda, berfokuskan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti kanak-kanak. Tambahan lagi, program ini menonjolkan sejarah dan budaya bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak.

---

### **PPIS CHILD DEVELOPMENT CENTRE**

PPIS Child Development Centre merangkumi tujuh pusat yang bekerjasama untuk mengadakan acara bagi Bulan Bahasa. Ia memartabatkan pendidikan bahasa dan budaya Melayu, serta pembangunan watak bagi pelajar-pelajar mereka.





### **Silat Berseni Dalam Pantun**

Pertunjukan ini terdiri daripada pesilat-pesilat cilik, yang akan mempamerkan gerak asas silat termasuk pergerakan bersepadu (tanpa senjata), pergerakan asas seni permainan keris dan parang, serta persembahan bunga-bunga silat. Dari pantun yang disampaikan, latar belakang setiap gerak akan diserlahkan. Ini akan menampakkan keunikan Bahasa yang digunakan dalam seni persilatan. Penonton digalakkan untuk membalas atau memberikan pantun juga.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/groups/369657151085119](http://www.facebook.com/groups/369657151085119).

---

### **PERGURUAN SILAT SENI GAYONG SINGAPURA (PSSGS)**

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura (PSSGS), yang mempunyai pesilat berpengalaman dan disertai lebih daripada 100 ahli, bertujuan untuk melestarikan tradisi Silat Seni Gayong (perguruan silat) yang telah diperkenalkan di Singapura pada tahun 1942. PSSGS ingin memastikan silat kekal sebagai budaya dan warisan masyarakat Melayu.



### **Muzika Skrin...Senandung Bahasa**

Muzika Skrin...Senandung Bahasa adalah sebuah muzikal yang merangkumi era (generasi) opera seperti bangsawan dan purbawara. Jalan cerita dan adegan-adegan telah diambil dari petikan Produksi Cathay Keris Film Production dan Malay Film Productions oleh Shaw Brothers.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/SRIWANA.SG](http://www.facebook.com/SRIWANA.SG).

---

### **SRIWANA**

SRIWANA telah dikenali sejak penubuhannya pada tahun 1950-an, salah satu kumpulan seni pertunjukan Melayu tertua yang masih aktif di persada seni tempatan. SRIWANA dibentuk pada tahun 1950 sebagai Parti Keroncong (Orkestra Melayu Tradisional). Kemudian SRIWANA berkembang dengan objektif untuk mempromosikan, memartabatkan dan meningkatkan seni dan budaya Melayu hingga hari ini.



### **Alunan Nusantara**

Inisiatif Alunan Nusantara memantapkan dan memperkembangkan budaya Melayu dengan pelbagai seni bersatu untuk menonjolkan ciri keharmonian Seni Masyarakat Melayu. Pelbagai kumpulan seni seperti Okestra Sri Temasek, Ethnic Shadows, SG Oudist akan mempersembahkan nyanyian, pertunjukan silat, persembahan tarian dalam acara ini.

### **Bengkel Bangsawan untuk Kanak-Kanak (Acara Khas untuk Cuti Sekolah)**

Tahun ini, Wisma Geylang Serai bekerjasama dengan Anggerik Temasek Bangsawan sekali lagi untuk meneruskan sesi Bengkel Bangsawan. Bengkel ini akan memperkenalkan enam unsur-unsur Bangsawan iaitu 'Nada', 'Lenggok', 'Adab', 'Gerak' dan 'Deria'. Bengkel ini akan diadakan secara fizikal.

### **Pelancara Buku Cerita @ Geylang Serai Book Launch**

'GEYLANG SERAI DALAM TEROWONG MASA – SEPANJANG JALAN KENANGAN' ialah sebuah dokumentasi Geylang Serai yang akan dilancarkan sepanjang siri 5 buku tentang perladangan besar waktu abad ke-19 hingga perkembangan Geylang Serai di abad ke-21. Ia mengandungi cerita bersejarah Geylang Serai, keistimewaannya dan pengalaman yang telah membentuk Geylang Serai yang unik bagi masyarakat Melayu Singapura.

### **Let's Learn @ WGS – Malay Culture**

Wisma Geylang Serai akan menganjurkan program "Jom Belajar @ WGS – Budaya Melayu" yang akan diadakan sebulan sekali melalui Zoom. Merangkumi topik seperti makanan, pakaian, perkahwinan, dan perayaan masyarakat Melayu, ia bertujuan untuk mendalami pemahaman dan menghayati warisan dan budaya Melayu. Program ini juga bertujuan untuk menyokong pembelajaran berterusan dan memudahkan pemerolehan kemahiran dan pengetahuan baru dalam persekitaran masyarakat.



## **Samudera Seni**

Dihasilkan dan ditulis oleh Nadiputra, Samudera Seni akan merangkumi pelbagai intipati seni halus dan kesusasteraan Melayu melalui muzik, puisi, sajak, tarian dan seni visual. Persembahan ini akan menyemai elemen seperti Keris, Seruling, Biola dan Rebana.

Persembahan ini akan disertai penyair mapan, Cik Khaziah Yem, penerima Anugerah Golden Point 2019, dan penyanyi muzik tradisional Melayu, Cik Shahirah Jamaludin. Juga penampilan khas, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Menteri Negara, Kementerian Ehsan Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Negara yang juga Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura.

---

## **WISMA GEYLANG SERAI**

Wisma Geylang Serai ditubuhkan sebagai sebuah hab yang menempatkan pelbagai badan Melayu/Islam, agensi sosial dan Pemerintah di bawah satu bumbung. Usaha ini membolehkan Wisma Geylang Serai menjadi pusat nadi yang sesuai bagi pelbagai acara demi memenuhi keperluan masyarakat Melayu setempat.